

Sari daun betik rawat denggi

» Kementerian kaji hasilkan jus, kapsul sebagai kaedah alternatif

Oleh Kalsom Rahmathulah
bhnews@bh.com.my

► Balik Pulau

Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan kajian untuk menghasilkan kapsul daripada sari daun betik bagi rawatan demam denggi.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata berdasarkan kajian awal, sari daun betik didapati mampu meningkatkan platlet darah dalam tubuh pesakit dengan lebih cepat.

Katanya, pengambilan produk jus minuman berasaskan daun betik sebagai alternatif untuk rawatan denggi juga dipercayai mampu mempercepatkan proses penyembuhan bagi pesakit denggi.

Pelbagaikan kaedah

Sehubungan itu, katanya, usaha itu akan diteruskan kementerianya bagi mempelbagaikan kaedah rawatan alternatif untuk merawat pesakit demam denggi.

“Bagi melaksanakan kajian ini, Kementerian akan menjalankan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi menjalankan projek mena-



Hilmi (tiga dari kanan) bersama Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin (dua dari kiri) **berbual dengan Sopiah Chin (tiga dari kiri) selepas projek membaik pulih** sempena Perasmian Program Baiti Jannati di Kampung Rusa, Balik Pulau, semalam.

[FOTO ZULAIKHA ZAINUZMAN/BH]

“**Hasil tanaman ini akan digunakan untuk menghasilkan jus atau kapsul daripada sari betik bagi digunakan pesakit demam denggi**”

Hilmi Yahaya,
Timbalan Menteri
Kesihatan

nam pokok betik supaya bekalan daun betik diperoleh dengan mudah.

“Hasil tanaman ini akan digunakan untuk menghasilkan jus atau kapsul daripada sari betik bagi digunakan pesakit demam denggi,” katanya selepas merasmikan Program Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad di Kampung Rusa, di sini, semalam.

Sementara itu, statistik terkini kes denggi di seluruh Malaysia sehingga kelmarin mencatatkan sebanyak 42,646 kes berbanding 31,866 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Dr Hilmi berkata, kes denggi di Pulau Pinang sebanyak 1,927 kes meningkat tiga kali ganda berbanding 679 kes, tahun lalu.

Katanya, biarpun jumlah kes denggi secara keseluruhan meningkat, statistik mingguan terkini merekodkan sebanyak 1,500 kes berbanding 3,500 kes denggi yang direkodkan setiap minggu di seluruh Malaysia sebelum ini.

Katanya, masyarakat perlu meneruskan usaha mencegah pembiakan aedes serta mengurangkan risiko jangkitan demam denggi di negara ini.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online